

LTH tiada kuasa halang penjualan

LEMBAGA Tabung Haji (LTH) hanya membenarkan jemaah haji Malaysia membawa pulang air zam-zam, lima liter setiap seorang, ketika setiap kali tibanya musim haji.

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan Tabung Haji dalam kenyataan memberitahu, proses membawa pulang air zam-zam itu, akan diuruskan sepenuhnya Tabung Haji dan jemaah boleh mengambilnya apabila tiba di Malaysia.

Jemaah haji boleh menggunakan perkhidmatan mana-mana syarikat logistik yang dibenarkan Tabung Haji untuk mengirim air zam-zam ke Malaysia pada kadar sekitar SAR115 (RM92) untuk setiap 10 liter.

"Jemaah haji boleh membawa air zam-zam lima liter, tetapi LTH akan menguruskan proses berkenaan dan jemaah boleh ambil ketika sampai di lapangan terbang di Malaysia.

"Ini bermakna Jemaah Malaysia tidak perlu bersusah payah mendapatkan air zam-zam dan membawa sendiri bersama bagasi," katanya kepada *Sinar Harian*.

Bagaimanapun menurutnya, tujuan atau niat jemaah haji mengirim air zam-zam sama ada untuk tujuan

komersil adalah di luar pengawasan dan bidang kuasa LTH.

Katanya, LTH juga tidak menjalankan perniagaan membekal air zam-zam kepada mana-mana pihak.

Antara agensi dibenarkan Tabung Haji untuk menghantar air zam-zam dari Arab Saudi ke tanah air adalah Pos Malaysia sahaja.

Setiap tahun, Pos Malaysia berperanan membawa barangan jemaah haji menerusi 'Perkhidmatan Bagasi Haji', antaranya termasuk bagasi dan bungkusan peribadi.

Pada tahun lalu, Pos Malaysia menghantar 13,536 barang bagi 28,000 jemaah haji dan proses penyerahan itu mengambil masa seminggu daripada tarikh penerimaan bagasi di kaunter perkhidmatan.

Tabung Haji adalah satu institusi yang berperanan menguruskan perjalanan jemaah haji dari Malaysia pergi ke Makkah setiap tahun.

Sehingga kini, Tabung Haji adalah institusi kewangan yang terbukti berkesan menguruskan perbelanjaan pergi dan balik dari Makkah dan memudahkan rakyat Malaysia untuk menunaikan ibadah Haji pada setiap tahun.

